

**PEP. PERCUBAAN SPM
PERNIAGAAN
KERTAS 1
NOVEMBER 2021**

1 jam 15 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2021
TINGKATAN 5**

PERNIAGAAN

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1. Gambar di bawah menunjukkan satu organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU).



Pernyataan manakah benar tentang tujuan organisasi tersebut?

- A. Mengeluarkan hasil keluaran yang berkualiti
- B. Memuaskan kehendak dan keperluan pengguna
- C. Menyediakan barangan dan perkhidmatan
- D. Memasarkan produk kepada pengguna

2. Antara yang berikut, manakah ciri milikan tunggal?

- I. Liabiliti terhad
 - II. Perniagaan berterusan
 - III. Bebas membuat keputusan
 - IV. Perlu didaftarkan dengan SSM
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

3. Gambar di bawah menunjukkan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.



Manakah ciri yang benar bagi bentuk pemilikan tersebut?.

- A. Pemegang syer ialah 2 orang dan maksimum 50 orang
- B. Pemilik syer boleh menjual syer secara bebas
- C. Penyata kewangan perlu dirahsiakan
- D. Penubuhan lebih mudah dan murah

4. Maklumat berikut berkaitan ciri sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

- Sekurang-kurangnya 50 orang anggota
- Aktiviti tidak berunsurkan politik
- Mempunyai perkataan “berhad” di belakang

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A. Koperasi
- B. Perkongsian
- C. Syarikat Awam Berhad
- D. Syarikat Sendirian Berhad

5. Pernyataan manakah benar tentang kelebihan perniagaan francais kepada francaisor?

- A. Risiko kerugian dapat diminimumkan
- B. Menikmati ekonomi bidangan
- C. Pengalaman tidak diperlukan
- D. Mendapat latihan dan tunjuk ajar

6. Klasifikasi perniagaan yang manakah menunjukkan skala sederhana dalam sektor pengilangan?

- A. Jualan tahunan RM300 000 hingga kurang RM15 juta
- B. Jualan tahunan antara RM3 juta hingga kurang RM20 juta
- C. Bilangan pekerja tetap antara 30 orang hingga kurang 75 orang
- D. Bilangan pekerja tetap antara 75 orang hingga kurang 200 orang

7. Situasi manakah benar tentang sektor kedua (sekunder)?

- A. Ahmad mengusaha penternakan ayam kampung
- B. Latifah bekerja sebagai pemandu pelancong
- C. Badrul terlibat dalam pemprosesan kayu balak
- D. Haliza bertugas sebagai sukarelawan ke Syria

8. Pernyataan manakah menerangkan kelebihan perniagaan bersaiz kecil?

- A. Menikmati ekonomi bidangan
- B. Melibatkan pengkhususan kerja
- C. Memupuk semangat kerja dalam pasukan
- D. Menyelesaikan masalah pelanggan dengan cepat

9. Gambar di bawah berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Apakah peranan agensi tersebut?

- A. Memantau dan mengawal keadaan ekonomi
- B. Menggubal undang-undang kecil perniagaan
- C. Memberi sumber pinjaman kepada peniaga
- D. Menarik kemasukan pelaburan tempatan

10. Pernyataan manakah benar tentang jenis pengangguran.

	Jenis pengangguran	Keterangan
A.	Bermusim	Pekerja bekerja untuk suatu tempoh tertentu dalam setahun
B.	Struktur	Penggunaan peralatan moden untuk menggantikan tenaga buruh
C.	Teknologi	Berlaku kesan kemelesetan ekonomi di seluruh dunia
D.	Kitaran	Bertambah pekerjaan dalam sektor kedua daripada sektor utama

11. Maklumat di bawah berkaitan sejenis pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan.

- ✚ Syarikat SriKaya Food Sdn. Bhd terlibat dalam pengeluaran makanan
- ✚ Sebahagian pendapatan syarikat digunakan untuk pembelian asset

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A. Potongan cukai
- B. Pengecualian cukai
- C. Elaun cukai pelaburan
- D. Elaun pelaburan semula

12. Antara berikut manakah menunjukkan faktor trend persekitaran meningkat?

- A. Gaya pengurusan yang baik
- B. Citarasa pengguna yang pelbagai
- C. Persaingan sihat dalam perniagaan
- D. Kualiti produk yang ditawarkan

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan konsep perancangan strategik sebuah organisasi penerbitan buku.

- ✓ Menerbitkan sekurang-kurangnya 100 buku ilmiah setiap tahun untuk lima tahun dari tahun 2018 hingga tahun 2022.

Apakah konsep perancangan strategik tersebut?

- A. Visi
- B. Misi
- C. Sasaran
- D. Objektif

14. Situasi berikut berkaitan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.

- Pengeluar Sos Aroma menghasilkan produk yang halal supaya sesuai dengan pelanggan beragama Islam

Apakah faktor tersebut?

A.	Faktor dalaman	Sumber manusia
B.	Faktor luaran	Sosiobudaya
C.	Faktor luaran	Undang-undang
D.	Faktor dalaman	Kewangan

15. Antara berikut manakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?

- A. Kewangan
- B. Teknologi
- C. Sosiobudaya
- D. Undang-undang

16. Pernyataan manakah benar tentang fungsian kewangan dalam Syarikat Kasut Deeno Sdn Bhd?

	Jawatan	Tugas
A.	Akauntan	Mengurus semua bentuk hutang perniagaan
B.	Pegawai kredit	Membantu menyedia penyata kewangan
C.	Staf kewangan	Membuat interpretasi prestasi kewangan
D.	Pegawai kewangan	Memeriksa pendapatan daripada jualan

17. Pernyataan manakah benar tentang proses awalan dalam fungsian pengeluaran?

- A. Memastikan bahan mentah berkeadaan baik dan berkualiti
- B. Melakukan pemeriksaan kualiti secara manual atau automatik
- C. Membuat penyelenggaraan mesin secara konsisten dan berkala
- D. Mengawal staf bekerja secara cekap dan fokus kepada sasaran pengeluaran

18. Gambar di bawah menunjukkan sejenis produk di bahagian fungsian pengagihan'



Saluran manakah yang sesuai untuk produk tersebut?

- A. Pengeluar → Pengguna
- B. Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- C. Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D. Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

19. Antara barang berikut, manakah yang sesuai menggunakan saluran pengagihan di bawah?

Pengeluar → Peruncit → Pengguna

- A. Buku dan majalah
- B. Keperluan harian
- C. Peralatan elektrik
- D. Pakaian berjenama

20. Pernyataan manakah benar tentang peranan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?

- A. Mengawal penggunaan sumber berdasarkan bajet
- B. Memastikan keselamatan sistem dalam organisasi
- C. Menghasilkan produk berkualiti dengan kos minimum
- D. Melaksana program induksi untuk pekerja baharu

21. Situasi di bawah berkaitan seorang pengurus di Syarikat Percetakan Global.

- ✚ Encik Raffles sedang menghadiri mesyuarat di Kobe, Jepun. Beliau terlupa membawa laporan kewangan yang penting dan menelefon setiausahanya Puan Nadia supaya mengirimkan laporan melalui e-mel.

Proses komunikasi manakah yang tepat dengan situasi tersebut?

- A. Puan Nadia → Enkod → Saluran → Dekod → Encik Raffles → Maklum balas
- B. Puan Nadia → Dekod → Saluran → Enkod → Encik Raffles → Maklum balas
- C. Encik Raffles → Dekod → Saluran → Enkod → Puan Nadia → Maklum balas
- D. Encik Raffles → Enkod → Saluran → Dekod → Puan Nadia → Maklum balas

22. Maklumat di bawah berkaitan satu peranan pengurusan sumber manusia dalam organisasi.

- Mengamalkan etika kerja yang berintegriti
- Konsep pengurusan: 'kaizen', 'zero defect'

Apakah peranan tersebut?

- A. Latihan peningkatan kemahiran
- B. Pemantapan budaya profesional
- C. Pemberian insentif yang munasabah
- D. Menggalakkan kreativiti dan inovasi

23. Situasi manakah menggambarkan Standard Prosedur Operasi (SOP) dipatuhi?

- A. Doktor pakar akan memperolehi gaji yang tinggi berdasarkan pengalaman yang dimiliki
- B. Jurutera syarikat pengeluaran kereta memerlukan perisian yang sesuai untuk mencipta enjin
- C. Jurujual produk kosmetik mendapat komisen berdasarkan banyaknya produk dapat dijual
- D. Pekerja pembinaan perlu memakai topi keselamatan sebelum memasuki tapak pembinaan

24. Antara berikut manakah faktor penentu sistem penggajian?

- A. Ganjaran yang dibayar oleh majikan
- B. Permintaan dan penawaran keluaran
- C. Undang-undang dan peraturan kerajaan
- D. Kemampuan sumber pembiayaan pihak bank


25. Maklumat berikut berkaitan sejenis struktur yang terdapat di dalam organisasi.

- Dikenali sebagai sistem berbilang arahan
- Laporan diberikan kepada ketua jabatan dan ketua jabatan fungsian

Apakah jenis struktur organisasi tersebut?

- A. Berdasarkan geografi
- B. Berdasarkan pelanggan
- C. Berdasarkan matriks
- D. Berdasarkan fungsi

26. Rajah di bawah menunjukkan sejenis struktur organisasi.



Apakah struktur organisasi tersebut?

- A. Berdasarkan produk
- B. Berdasarkan wilayah
- C. Berdasarkan pelanggan
- D. Berdasarkan matriks

27. Maklumat berikut berkaitan sejenis sumber teknologi.

- ✚ Hasil ciptaan daya intelektual
- ✚ Contoh: karya, reka bentuk, muzik

Apakah jenis sumber teknologi tersebut?

- A. Kemahiran dan Pengalaman
- B. Hak Cipta Terpelihara
- C. Lesen Perisian
- D. Harta Intelek

28. Maklumat berikut berkaitan sejenis sumber pembiayaan luaran.

- Menyediakan perkhidmatan membeli invoice
- Mengatasi masalah aliran tunai peniaga

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?

- A. Simpanan peribadi
- B. Overdraf
- C. Pemfaktoran
- D. Modal permulaan

29. Maklumat berikut berkaitan sejenis agensi yang terlibat dalam memberi bantuan pembiayaan?

- Menyediakan modal tamabahn
- Jumlah pinjaman dari RM500 hingga RM50 000
- Skim ditawarkan: Skim Pembiayaan Kontrak-I

Apakah agensi tersebut?

- A. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- B. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC)
- C. Tabung Ekomomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
- D. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

30. Antara berikut, akaun manakah diklasifikasikan sebagai belanja?

- A. Komisen diterima
- B. Tunai di bank
- C. Jualan tunai
- D. Gaji pekerja

31. Antara berikut manakah kos berubah?

- A. Gaji pekerja
- B. Sewa premis
- C. Insurans
- D. Bahan mentah

32. Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Cen Chai.

Butiran	RM
Untung kasar	120 000
(+) Hasil	<u>25 000</u>
	145 000
(-) Belanja	<u>75 000</u>
X	70 000

Apakah butiran X?

- A. Lebihan
- B. Kos jualan
- C. Rugi bersih
- D. Untung bersih

33. Maklumat di bawah diambil daripada perniagaan Luncai Emas Sdn Bhd.

Aset semasa	RM55 000
Liabiliti semasa	RM25 000
Untung bersih	RM30 000

Hitungkan nisbah semasa?

- A. 1.0 kali
- B. 1.83 kali
- C. 2.2 kali
- D. 2.7 kali

34. Maklumat di bawah adalah perbandingan prestasi dalam dua tahun Perniagaan Nathan.

Tahun	2017	2018
Kadar pusing ganti stok	2.5 kali	3.0 kali

Pernyataan manakah benar tentang justifikasi prestasi Perniagaan Nathan?

- A. Perniagaan Nathan mengurus stok lebih baik pada tahun 2017 berbanding tahun 2018
- B. Perniagaan Nathan mengurus stok dengan lebih cekap tahun 2018 berbanding tahun 2017
- C. Tahun 2018 pengurusan stok telah diganti sebanyak 2.5 kali dalam setahun berbanding tahun 2017
- D. Tahun 2017 pengurusan stok telah diganti sebanyak 3.0 kali dalam setahun berbanding tahun 2018

35. Antara berikut, item manakah merupakan penerimaan dalam Penyata Aliran Tunai?

- A. Jualan tunai
- B. Belian tunai
- C. Ansuran sewabeli
- D. Faedah pinjaman

36. Antara yang berikut, susunan proses pendaftaran penubuhan perniagaan Pasaraya Delima Maju manakah yang betul?

- I. Membayar RM30 menggunakan nama sendiri
 - II. Mengisi borang carian nama (Borang PNA42)
 - III. Memperolehi Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan
 - IV. Menghantar borang pendaftaran ke SSM
- A. II, IV, I dan III
 - B. I, II, III dan IV
 - C. IV, III, II dan I
 - D. III, I, IV dan II

37. Pernyataan manakah benar tentang kelebihan menjadi usahawan kepada negara dan individu?

	Kepada negara	Kepada individu
A.	Meluaskan pasaran produk tempatan	Mengurangkan kadar pengangguran
B.	Mewujudkan kerjasama serantau	Mewujudkan sikap berdikari
C.	Menyediakan peluang pekerjaan	Memupuk minat keusahawanan
D.	Meningkatkan taraf hidup	Memenuhi keperluan dan kehendak

38. Antara yang berikut, manakah maklumat yang berkaitan dengan prosedur pemerbadanan Syarikat Persendirian?

- I. Pelaporan prestasi kewangan syarikat
 - II. Perlantikan setiausaha syarikat
 - III. Permohonan carian nama syarikat
 - IV. Penamatan syarikat disebabkan muflis
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

39. Pernyataan manakah benar tentang kegunaan rancangan perniagaan?

- A. Untuk memudahkan pihak pemiutang memberi kemudahan kredit
- B. Untuk menyakinkan pihak pembiayaan untuk melakukan pelaburan
- C. Untuk melindungi perniagaan daripada persaingan yang sengit
- D. Untuk memastikan objektif perniagaan dicapai mengikut perancangan

40. Antara yang berikut, pihak manakah berkepentingan terhadap rancangan perniagaan?

- I. Pemiutang
 - II. Pihak bank
 - III. Pelabur
 - IV. Pesaing
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

Kertas Soalan Tamat